



JAMIL KHIR beramah mesra bersama peserta Seminar Syariah dan Undang-undang Peringkat Kebangsaan di Nilai, baru-baru ini sambil diperhatikan Muhamad Muda (kiri).

# Semua pihak perlu bekerjasama memartabatkan perundangan Islam

Oleh Siti Maizatul Akmar  
Ismail  
bhvarsiti@bharian.com.my

**K**OMPOSISI masyarakat berbilang bangsa dan agama menjadikan negara kita unik di mata dunia serta membawa kepada wujudnya dwisistem perundangan dan kehakiman di negara ini iaitu sivil dan syariah.

Interaksi berkesan antara kedua-dua sistem ini perlu, namun, realitinya pelbagai isu dan aspek berkaitan perlu diteliti, khususnya dalam memastikan bahawa sistem pentadbiran undang-undang Islam tidak dianggap sebagai kelas kedua dan terasing daripada pembangunan masyarakat majmuk di negara ini.

Matlamat ini mampu direalisasikan dengan mencari titik pertemuan dan meminda sebarang bentuk percanggahan antara kedua-dua sistem yang boleh memberikan keadilan menyeluruh kepada masyarakat.

Atas dasar ini, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), menganjurkan Seminar Syariah dan Undang-undang Peringkat Kebangsaan baru-baru ini sebagai wadah penyampaian buah fikiran dan perkongsian

“*Pegawai dan pengamal undang-undang syariah perlu sentiasa mempersiapkan diri dengan pengetahuan, latihan berterusan dan kepakaran yang tidak terbatas kepada ruang lingkup syariah, tetapi merangkumi ilmu lain yang relevan*”

**Jamil Khir Baharom**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

ilmu mengenai undang-undang pentadbiran Islam serta isu berkaitan.

Bertema “Ke Arah Memartabatkan Undang-undang Islam di Malaysia”, antara subjek perbincangan sempena seminar itu ialah kewangan Islam, profesion guaman syarie, undang-undang keluarga Islam, undang-undang harta Islam dan konflik perundangan dalam masyarakat majmuk.

Berucap merasmikan seminar itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, memberi peringatan supaya usaha mengembackkan undang-undang Islam sebagai undang-undang asas dan utama bagi umat Islam di negara ini tidak boleh dilupakan.

“Mahkamah syariah khususnya perlu muncul sebagai institusi bebas dan disegani yang memainkan peranan menegakkan keadilan, tanpa perlu tunduk kepada tekanan luar yang datang daripada pelbagai kelompok organisasi dan masyarakat.

“Pegawai dan pengamal undang-undang syariah perlu sentiasa mempersiapkan diri dengan pengetahuan, latihan berterusan dan kepakaran yang tidak terbatas kepada ruang lingkup syariah, tetapi merangkumi ilmu lain yang relevan, seperti pengetahuan mengenai Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkaitan prosedur serta kemahiran profesional.

“Pengetahuan yang lebih bersifat holistik sebegini diharapkan dapat membantu mereka dalam mencari jawapan dan penyelesaian kepada permasalahan dan isu syariah yang semakin kompleks,” katanya.